## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1449/2 |
| Bentuk Ujian | : | Subjektif |
| Markah | : | 100 Markah |
| Masa | : | 2 jam 30 minit |

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas soalan ini mengandungi **tiga bahagian**: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C.**

| | | |
|---|---|---|
| **Bahagian A** | : | Mengandungi 10 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 40 markah. |
| **Bahagian B** | : | Mengandungi 5 soalan. Semua soalan wajib dijawab. Bahagian ini memperuntukkan 45 markah. |
| **Bahagian C** | : | Mengandungi 2 soalan. Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. Bahagian ini memperuntukkan 15 markah. |

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

Rajah 1 menunjukkan plot batang-dan-daun bagi masa yang diambil oleh sekumpulan murid dalam suatu soal selidik.

*Diagram* 1 *shows the stem-and-leaf plot for time taken by a group of students in a survey.*

**Masa Menjawab Soal Selidik**
***Time of Answering the Survey***

| **Batang** *Stem* | **Daun** *Leaf* |
|---|---|
| 1 | 5 8 |
| 2 | |
| 3 | 2 5 7 |
| 4 | 4 5 6 6 7 |
| 5 | 2 4 |


Kekunci : 1|5 bermaksud 15 minit
*Key* : 1|5 *means* 15 *minutes*

Rajah 1
*Diagram* 1

(*a*) Nyatakan bilangan murid yang terlibat dalam soal selidik itu.
*State the number of students who took part in the survey.*

Calon dikehendaki **menyatakan bilangan murid yang terlibat** dalam soal selidik berdasarkan Rajah 1.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi




Calon dapat menyatakan bilangan murid yang terlibat dengan tepat.

**Soalan 2 (a)**

Pada ruang jawapan, lengkapkan Jadual 1 bagi persamaan $y = 2x^2 - 3$ untuk $-3 \leqslant x \leqslant 3$.

*In the answer space, complete Table 1 for the equation* $y = 2x^2 - 3$ *for* $-3 \leqslant x \leqslant 3$.

Calon dikehendaki **melengkapkan Jadual 1** bagi persamaan $y = 2x^2 - 3$ untuk $-3 \leq x \leq 3$.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

| $x$ | $-3$ | $-2.5$ | $-1.5$ | $0$ | $1$ | $2$ | $3$ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| $y$ | 15 | 9.5 | 1.5 | $-3$ | -1 | 5 | 15 |

Calon dapat melengkapkan Jadual 1 dengan menghitung nilai-nilai $y$ yang sepadan dengan nilai $x$ yang diberi.

**Soalan 4 (a)**

Rajah 3 menunjukkan suatu hujah deduktif yang separa lengkap.
*Diagram 3 shows a partially completed deductive argument.*

| | |
|---|---|
| Premis 1 | : Semua bahan berasid mempunyai nilai pH < 7. |
| *Premise* 1 | : *All acidic substances have a* pH *value* < 7. |
| Premis 2 | : Cuka epal ialah sejenis bahan berasid. |
| *Premise* 2 | : *Apple vinegar is an acidic substance.* |
| Kesimpulan | : ..... |
| *Conclusion* | |

Rajah 3
*Diagram 3*

Lengkapkan hujah ini dengan menulis kesimpulan yang sesuai.

Calon diminta **melengkapkan hujah deduktif yang separa lengkap** dengan menulis kesimpulan yang sesuai.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**




Calon dapat melengkapkan hujah deduktif dengan menulis kesimpulan yang tepat.

**Soalan 5 (a)**

Jadual 3 menunjukkan pertandingan yang disertai oleh sekumpulan murid.
*Table 3 shows the competitions joined by a group of students.*


| **Pertandingan** *Competition* | **Bilangan murid** *Number of students* |
|---|---|
| Mewarna, menyanyi dan memasak *Colouring, singing and cooking* | 5 |
| Menyanyi sahaja *Singing only* | 6 |
| Mewarna sahaja *Colouring only* | 12 |
| Mewarna dan menyanyi *Colouring and singing* | 9 |
| Memasak dan menyanyi *Cooking and singing* | 15 |
| Mewarna *Colouring* | 30 |
| Memasak *Cooking* | 35 |

Jadual 3
*Table 3*

(*a*) Lengkapkan gambar rajah Venn pada ruang jawapan.
*Complete the Venn diagram in the answer space.*

Calon diminta **melengkapkan gambar rajah Venn** pada ruang jawapan yang disediakan berdasarkan maklumat yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**




Calon dapat melengkapkan gambar rajah Venn dengan nilai-nilai yang tepat.

**Soalan 7 (a)**

Jadual 4 menunjukkan maklumat tentang pelan polisi insurans Helen pada tahun 2022.

*Table* 4 *shows information about Helen's insurance policy plan in* 2022.

| **Faedah** ***Benefit*** | **Tahun 2022** ***Year 2022*** |
|---|---|
| Had tahunan keseluruhan *Overall annual limit* | RM200 000 |
| Deduktibel *Deductible* | RM1 500 |
| Ko-insurans *Co-insurance* | 85/15 |

Jadual 4
*Table* 4

(*a*) Pada tahun 2022, Helen dimasukkan ke hospital dan kos rawatannya ialah RM1 050. Adakah syarikat insurans akan menanggung kos rawatan itu? Jelaskan.

*In* 2022, *Helen was admitted to hospital and the cost of her treatment was* RM1 050. *Would the insurance company bear the cost of the treatment? Explain.*

Calon dikehendaki **menentu dan menjelaskan** sama ada syarikat insurans akan menanggung kos rawatan berdasarkan maklumat yang diberi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Tidak kerana nilai deduktibel iaitu RM 1500 lebih tinggi daripada kos rawatan Helen iaitu RM 1050

Calon dapat menentu dan memberikan penjelasan yang tepat.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B


### Soalan 11 (a)

Nyatakan dua jenis matlamat kewangan.

*State two types of financial goals.*

Calon dikehendaki **menyatakan dua jenis matlamat kewangan.**

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi




Calon dapat menyatakan dua jenis matlamat kewangan dengan tepat.

## 2.8 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN C


### Soalan 16 (a)(i)

Sirhan merupakan seorang jurulatih memanah.

*Sirhan is an archery coach.*

(*a*) Sirhan sedang menyediakan padang bagi aktiviti memanah. Dia ingin membina dua garis berserenjang dengan menggunakan tiga tiang dan tali. Rajah 10 menunjukkan pelan padang memanah dengan tiga tiang *P*, *Q* dan *R*.

*Sirhan is preparing a field for archery. He wants to construct two perpendicular lines using three posts and string. Diagram* 10 *shows a plan of the archery field with the three posts P, Q and R.*




Rajah 10
*Diagram* 10

Berdasarkan Rajah 10,

*Based on Diagram* 10,

(i) namakan bentuk yang terhasil daripada tiga tiang tersebut,

*name the shape formed by the three posts,*

Calon dikehendaki **menamakan bentuk** yang terhasil daripada tiga tiang dalam Rajah 10.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Segi tiga bersudut tegak

Calon dapat menamakan bentuk yang terhasil dengan tepat.

# Suka sampel ini?

## Kertas Sebenar SPM 2025

8 subjek + kupasan mutu jawapan

- BM Kertas 1 & 2, BI Kertas 2 + Speaking, Sejarah Kertas 2 + SPMU
- Matematik, Matematik Tambahan, Fizik Kertas 1 & 2, Kimia Kertas 2, Bahasa Cina Kertas 1 & 2
- Bonus: Sains Kertas 1 & 2, Sejarah Kertas 1 + jawapan, cadangan jawapan Matematik Kertas 2, Kimia Kertas 3 + skema, Pendidikan Islam Kertas 1, SPMU 2026 BM & Sejarah

# RM34.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/kertas-sebenar-spm · FPX online banking · download serta-merta